

## HUKUM TAJWID DAN KAEDAH MEMBACA TEKS ARAB KAJIAN FONOLOGI

**Dr. Abdul Azim Bin Mohamad Isa**

[abdul\\_azim7911@uitm.edu.my](mailto:abdul_azim7911@uitm.edu.my)

**Dr. Muhammad Arsyad Bin Abdul Majid**

[muham285@salam.uitm.edu.my](mailto:muham285@salam.uitm.edu.my)

**Ibrahim Bin Abdullah**

[ibrahim970@salam.uitm.edu.my](mailto:ibrahim970@salam.uitm.edu.my)

**Muhamad Zaidi bin Zakaria**

[muhazaidi@uitm.edu.my](mailto:muhazaidi@uitm.edu.my)

*Akademi Pengajian Bahasa, UiTM*

### ABSTRAK

Hukum tajwid hari ini hanya terbatas ke arah cara pembacaan Al-quran dengan sebutan dan lafaz mengikut makhraj yang tepat, jelas dan betul. Latar belakang pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab bagi peringkat sekolah menengah telah didedahkan dengan pelbagai hukum tajwid ketika di sekolah rendah. Namun, pendedahan tersebut hanya berkisarkan Al-Quran dan pelajar tidak dapat memanfaatkan hukum tajwid tersebut dalam menangani masalah membaca teks bahasa Arab. Tiada kesinambungan antara hukum Tajwid yang dipelajari dengan kemahiran membaca teks Arab apabila diberikan teks tanpa baris (harakat). Selari dengan perkembangan ilmu linguistic perbandingan hari ini, kajian ini mendatangkan kaedah bagi membaca teks Arab, iaitu dikhususkan kepada kaedah menentukan bacaan baris yang tepat bagi pola kata 'yaf'al' (يفعل) untuk *feel mudhari'* (الفاعل المضارع) berdasarkan salah satu hukum tajwid, iaitu hukum *Izhar Halqi* (إظهار حلقى) yang didapati dalam pecahan hukum nun mati (النون الساكنة). Maka, kajian ini berlatar belakangkan perbandingan antara hukum tajwid *Izhar Halqi* dengan pembacaan baris bagi pola kata 'yaf'al' (يفعل).

**Kata kunci:** *Tajwid , Izhari Halqi, bacaan baris , pola kata 'yaf'al'*

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemahiran bahasa merangkumi empat kemahiran asas, membaca, mendengar, mendengar, dan bertutur. Dalam empat kemahiran tersebut, membaca merupakan antara kemahiran yang kerap dijalankan kajian mengenainya.

Kemahiran membaca teks Arab bagi pelajar yang telah memiliki latar belakang pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah sering dikaitkan dengan kemampuan untuk menentukan baris terakhir pada setiap kalimah dalam teks yang tidak berbaris, terutamanya kata nama, seperti hukum *marfu'*, *mansub*, dan *majrur*. Kemahiran membaca juga melibatkan kemampuan pelajar menentukan baris pada fe'el, samada *fe'el ma'lum* (الفعل المعلوم) atau *fe'el majhul* (الفعل المجهول), atau baris pada pola kata kerja (صيغة الأفعال) seperti *fa''al - yufa'il* (فَعَّلَ - يُفَعِّلُ), *af'al - yuf'il* (أَفْعَلَ - يُفَعِّلُ), dan *fa'ala - yaf'al* (فَعَّلَ - يَفْعَلُ). Kesilapan menentukan baris pada fe'el mudhari' pada pola kata kerja *yaf'al* (يَفْعَلُ) ketika bacaan teks sering dilakukan oleh pelajar akibat kurang pendedahan tentang teknik menentukan baris berdasarkan peletakan susunan huruf dalam fe'el mudhari' itu sendiri. Menurut Zaini (2012), prestasi pelajar dalam penguasaan Bahasa Arab khususnya tatabahasa Arab didapati semakin merosot .

Pelajar telah diajar berkenaan hukum tajwid ketika di sekolah rendah, seperti hukum nun mati (النون الساكنة), hukum mad, hukum idgham (الإدغام), dan lain-lain hukum lagi. Mereka juga telah menghafaz al-Quran secara lengkap dan menyeluruh, namun gabungan kedua-dua hafalan al-Quran dan hukum tajwid dalam kalangan pelajar tidak dapat diterjemahkan apabila pelajar membaca teks Arab. (Nazri, 2010). Pelajar hanya mendapat manfaat daripada sudut makna perkataan apabila mengetahui makna hafalan dan bacaan, tetapi kaedah membaca baris yang betul masih di tahap yang rendah. Maka, melalui kerta kerja ini, pengkaji ingin mencadangkan kaedah khusus dalam membaca baris yang betul bagi pola kata kerja mudhari' *yaf'al* melalui hukum tajwid Izhar Halqi (الإظهار الحلقى) yang dipelajari dalam bab nun mati (النون الساكنة).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- I. Mengenalpasti kelemahan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar bahasa Arab secara am (peringkat sekolah menengah dan universiti).
- II. Menganalisis hubungkait antara subjek tajwid di peringkat sekolah rendah dengan kemampuan pelajar berbahasa Arab di peringkat sekolah menengah dan unversiti.

- iii. Mencadangkan kaedah membaca baris dengan betul bagi pola kata kerja mudhari' *yaf'al* (يَفْعَل).

## SOALAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Apakah huruf-huruf yang terlibat dalam kaedah membaca baris bagi pola kata kerja mudhari' *yaf'al* (يَفْعَل)?
- ii. Apakah cadangan kaedah bagi memudahkan baris dibaca dengan betul?
- iii. Adakah cadangan kaedah ini boleh digunakan secara menyeluruh?

## KAJIAN LITERATUR LEPAS

Menurut Muhammad et al (2012) langkah pengajaran tahap rendah, pertengahan, dan lanjutan perlu diperkenalkan bagi menangani masalah penguasaan bacaan bahasa Arab dan gaya pembelajaran, serta mencadangkan pengenalan bentuk bacaan intensif dan ekstensif. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa satu teknik bacaan lanjutan boleh diperkenalkan kepada pelajar yang telah memiliki pengetahuan asas tentang tajwid.

Nazri (2010) mengatakan bahawa penguasaan kemahiran membaca perkataan Bahasa Arab dan ayat Al-Quran ini perlu diperluaskan kepada tiga lagi aspek kemahiran bahasa yang lain iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Dengan melengkapkan kajian ini meliputi kesemua empat aspek kemahiran bahasa ini, maka ia dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang masalah dan penyelesaian P&P Bahasa Arab dan Khatam Al-Quran. Tambahan pula, kajian ini bukan sahaja dapat menghasilkan kesan yang positif kepada guru, tetapi apa yang lebih penting ialah ia dapat meningkatkan penguasaan murid. Kajian ini juga menjadikan guru sentiasa berfikiran positif, kritis, kreatif dan inovatif sentiasa fleksibal dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Pengkaji lebih menumpukan aspek bacaan agar setiap kalimah dalam Al-Quran dapat digunakan sepenuhnya sebagai rujukan kaedah yang ingin dicadangkan dalam kertas kerja ini.

Menurut Wazzainab et al (2017) mengatakan bahawa juga pelajar Tahfiz hanya gah dengan hafazan 30 juzuk yang lancar. Tetapi ayat mudah untuk bertutur dalam bahasa Arab tidak mampu diungkap jika hanya menghafaz tanpa memahami dan mendalami ilmu dan kemahiran bahasa Arab. Masalah berkaitan baris pada fe'el juga merupakan masalah yang sering membelenggu pelajar ketika membaca teks yang tidak berbaris.

Menurut Salamiah et al (2012) mengatakan bahawa penganjuran bengkel kemahiran asas membaca teks Arab dapat melatih para pelajar membaca contoh-contoh daripada ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi al-jarr dan al-zarf, kemudian mereka dilatih untuk membaca teks Arab yang tidak berbaris. Latihan ini berteraskan kemahiran tatabahasa Arab bagi mengasah kemampuan pelajar daripada sudut I'rab ayat Al-Quran.

Menurut Farhana dan Munirah (2015), teknik Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran memakan masa yang panjang untuk membolehkan seseorang peserta dapat mengaplikasi kemahiran pemahaman ayat al-Quran mereka jika tidak diaplikasi secara konsisten oleh individu. Kajian ini membuktikan bahawa Al-Quran dan bahasa Arab tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seorang Muslim. Seperti kebanyakan kajian yang lain, kajian ini juga memfokuskan hasil kajian ke arah pemahaman Al-Quran melalui pembelajaran bahasa Arab tanpa mengeluarkankan intipati kalimah dalam Al-Quran untuk diuraikan agar dapat menghasilkan satu kaedah fonetik memilih baris yang betul ketika membaca teks Arab.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu teori fonetik generatif diguna pakai berdasarkan Ibn Jinni (392H) dan Wadi (2005) dalam mencadangkan satu kaedah fonetik menentukan baris pada pola kata 'yaf'al' (يَفْعَل).

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan hukum tajwid Izhar Halqi (الإظهار الحلقى) dan pola kata kerja *fe'el mudhari'* *yaf'al* (يَفْعَل - الفعل المضارع) sahaja.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Pelajar berdepan masalah untuk membaca baris yang betul pada kedudukan 'ain fe'el mudhari' pada pola *yaf'al* (يَفْعَل) jika kata kerja itu tidak berbaris. Kesalahan ini tidak ketara pada kata kerja yang sering digunakan seperti *yal'ab* (يَلْعَب), *yadzhab* (يَذْهَب), dan *yakrah* (يَكْرَهُ). Namun, kesalahan kerap berlaku apabila kata kerja mudhari' yang dibaca jarang digunakan dan didapati dalam teks bacaan Arab.

Bagi menangani masalah itu, satu kaedah fonetik dicadangkan bagi memudahkan pelajar membaca dengan baris yang betul pada pola kata kerja mudhari' *yaf'al* jika menjumpai kata kerja tersebut dalam teks Arab yang dibaca.

## CADANGAN KAEDAH

Hukum Izhar Halqi (الإظهار الحلقى)

Huruf-huruf yang terkandung dalam hukum Izhar Halqi adalah hamzah (ء), 'ain (ع), ha (ح), ha (ه), kha (خ), dan ghain (غ) seperti mana yang terkandung dalam Al-Quran seperti ﴿عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

﴿مِنْ هَادٍ﴾ dan ﴿مِنْ حَكِيمٍ﴾ ﴿أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ﴾، ﴿سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾، ﴿مَنْ ءَامَنَ﴾، ﴿كُلٌّ ءَامَنٌ﴾.

Namun, huruf-huruf yang terlibat dalam kaedah ini hanya empat sahaja iaitu hamzah (ء), 'ain (ع), ha (ح), dan ha (ه) sahaja tanpa kha (خ), dan ghain (غ), kerana menurut Ibn Jinni, dua huruf tersebut terletak pada makhras pangkal lidah (أدنى اللسان), terkeluar sedikit daripada makhras halkum (الحلق).

Ibn Jinni juga mengatakan bahawa fe'el mudhari' (الفعل المضارع) yang terbentuk daripada huruf halqi (الحلقى) pada kedudukan 'ain dan lam fe'el dibaca dengan baris atas (الفتحة) pada kedudukan 'ain kata kerja mudhari', seperti:

فعل مضارع	لام الفعل	حركة	عين الفعل	فاء الفعل	ياء المضارعة	فعل ماض
يَصِيرُ	ر [-حلقى]	ـِ	ب [-حلقى]	ص	يـ	صير
يَكْذِبُ	ب [-حلقى]	ـِ	ذ [-حلقى]	ك	يـ	كذب
يَقْتُلُ	ل [-حلقى]	ـُ	ت [-حلقى]	ق	يـ	قتل
يَسْكُنُ	ن [-حلقى]	ـُ	ك [-حلقى]	س	يـ	سكن
يَقْهَفُ	ف [-حلقى]	ـِ	ح [+حلقى]	ق	يـ	قحف

يَفْتَح	ح [+حلقى]	ـَ	ت [-حلقى]	ف	يـَ	فتح
يَلْعَب	ب [-حلقى]	ـَ	ع [+حلقى]	ل	يـَ	لعب
يَسْمَع	ع [+حلقى]	ـَ	م [-حلقى]	س	يـَ	سمع
يَسْأَل	ل [-حلقى]	ـَ	ء [+حلقى]	س	يـَ	سأل
يَقْرَأ	ء [+حلقى]	ـَ	ر [-حلقى]	ق	يـَ	قرأ
يَذْهَب	ب [-حلقى]	ـَ	ه [+حلقى]	ذ	يـَ	ذهب
يَكْرَهُ	ه [+حلقى]	ـَ	ر [-حلقى]	ك	يـَ	كره

Menurut Wadi (2005), satu kaedah fonetik dicadangkan dalam pola kata fe'el mudhari' berdasarkan Ibn Jinni dalam bentuk seperti berikut:

[+ fathah] / \_\_\_\_ (ح، ع، ه، ء) \_\_\_\_

Maka, apabila kedua-dua dapatan ini digabungkan, maka satu kaedah khusus dapat dibentuk bagi para pelajar menggunakan kemahiran tajwid yang diperoleh semasa sekolah rendah agama ketika membaca teks Arab, secara khususnya baris pada kata kerja mudhari'. Apabila mereka melihat sahaja empat huruf tersebut berada di kedudukan 'ain dan lam kata kerja mudhari' (الفعل المضارع), mereka mampu untuk menentukan bahawa kata kerja tersebut dibaca dengan baris atas pada kedudukan huruf 'ain.

## CADANGAN

Pihak berkenaan seperti Jabatan Agama Islam negeri dan Kementerian Pendidikan boleh merombak silibus tajwid di sekolah rendah dengan memasukkan elemen unsur bahasa Arab dalam topik-topik yang berkaitan agar pelajar didedahkan sedari awal tentang teknik-teknik membaca teks Arab berdasarkan hukum tajwid Al-Quran. Pendedahan ini dapat membantu pelajar bukan sahaja daripada sudut tatabahasa, tetapi juga pola kata kerja bahasa Arab dapat dikuasai dengan baik.

## KESIMPULAN

Kaedah Tajwid berkait rapat dengan kaedah membaca teks Arab, sama seperti kaedah tajwid digunakan untuk membaca Al-Quran. Guru-guru dan pengajar disarankan untuk mendalami lebih lagi berkenaan ilmu Tajwid agar dapat menghasilkan dan mencadangkan kaedah-kaedah terbaru dalam dunia pengajaran hari ini. Tidak dinafikan Pengajaran Abad ke21 (PAK21) adalah instrument pengajaran yang digalakkan dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Namun, masih banyak lagi intipati-intipati yang boleh digali daripada ilmu-ilmu asas sedia ada.

## RUJUKAN

Abdul Azim Bin Mohamad Isa, Muhammad Arsyad Abdul Majid, Ibrahim Abdullah, Muhammad Zaidi Zakaria, dan Fatimah Akhidjou. 2018. *'ain al- fi'l al-Madhi fi sighah yaf'al, dirasah siwatiyyah tahliliyyah*, ILANNS UiTM Shah Alam, 7-8 Ogos 2018.

Alwadi, Muhammad. 2005. *Bina al-Jadzr al-Siwati fi al-Lughah al-'Arabiyyah*, Universiti Meknes.

Farhana Idris & Munirah Azrae. 2015. *Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran*, E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015 (e-ISBN 978-967-0792-04-0). 8 & 9 June 2015, Meliá Hotel Kuala Lumpur, Malaysia.

Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Utsman (392H), *Sirr Shina'ah al-I'rab*, Dar al-Qalam, Cetakan Pertama, Damascus.

Muhammad, Azhar and Jasmi, Kamarul Azmi and Mustari, Mohd Ismail and Nasbon, Roshayati and Awang, Norhasanatul Fadzilah. 2012. *Kemahiran membaca dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab*, Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]).

Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon. 2012. *Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478- 49-9. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>.

Salamiah Ab. Ghani, Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Ahmad, Ummu Hani Hashim & Zuraida Shaadon. 2012. *Pengukuhan Kemahiran Membaca Kosa Kata Nama selepas al-Jar dan*

*al-Zarf dalam Teks Arab melalui Bacaan Al-Qur'an*. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012. UKM, ISBN 978-967-5478-47-5 (2012), <http://www.ukm.my/fpipts/online%20proceedings.html>

Wazzainab Ismail, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shahrudin, Farah Nur Rashida Rosnan, & Norafidah Gordani. 2017. *Isu Penguasaan Bahasa Arab Dan Hafazan Al-Quran*. 4 th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi.